

25 MAR 2002

Najib-Pertahanan/I

PEMBELIAN KERETA KEBAL POLAND LIBATKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI - NAJIB

SEPANG, 25 Mac (Bernama) -- Hasrat Malaysia untuk membeli kereta kebal PT91 buatan Poland akan melibatkan pemindahan teknologi bagi penyenggaraan dan latihan dalam penggunaan kereta kebal itu, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Kita akan bekerjasama rapat dengan mereka dari segi penyenggaraan kereta kebal itu, yang akan dilakukan oleh MMC (sebuah syarikat tempatan)," katanya kepada pemberita setibanya dari Poland di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, hari ini.

Beliau mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan sembilan hari ke Rusia, Jerman dan Poland.

Najib berkata selain daripada pemindahan teknologi, penyenggaraan kereta kebal itu juga memerlukan pemindahan perkakasan dan peralatan lain.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam bahawa Dr Mahathir mengesahkan Malaysia akan membeli kereta kebal dari Poland.

Najib berkata bagi latihan, Poland bersedia membenarkan penggunaan kawasan latihannya dari segi taktik menggerakkan kereta kebal itu memandangkan kawasan latihan itu adalah yang terbesar di Eropah.

"Kita boleh berlatih di sana pada peringkat awal dan di sini kemudian," katanya.

Najib berkata lawatan Perdana Menteri ke Rusia dan Poland adalah sangat berjaya bagi Kementerian Pertahanan.

Menurutnya kerajaan Poland telah menunjukkan perkakasan dan teknologi pertahanan mereka termasuk helikopter anaconda dan limbungan kapal di Gdansk, serta keupayaan mereka membina sebarang saiz pesawat dan kapal tentera.

Beliau berkata Rusia pula berminat untuk menjual pesawat pejuang Sukhoi Su-30, yang Malaysia kini menimbang untuk membelinya.

"Kami sedang menimbang pesawat Sukhoi dan pesawat Super Hornet FA18 buatan Amerika juga," katanya.

Menurutnya perbincangan lanjut mengenai pembelian pesawat akan diadakan tetapi beliau menjangka ia tidak akan mengambil masa lama.

"Bila kita sudah bersedia, kita akan membuat pengumuman," katanya.

-- BERNAMA

MAD HK NAK